



**MINIT
MESYUARAT AGUNG
KE 65**



MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 65 KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD

Tarikh : 15 Jun 2019 (Sabtu)
Waktu : 9.00 pagi
Tempat : Dewan Besar, Institiut Pendidikan Guru,
Kampus Darulaman,
Bandar Baru Darul Aman, Jitra.
Kehadiran : 1,709 orang anggota

Agenda

01

Melantik Pengerusi Mesyuarat

- 1.1 Tuan Setiausaha memaklumkan bahawa jumlah anggota koperasi terkini adalah 4,338 orang. Manakala kehadiran sehingga jam 9.00 pagi adalah seramai 1,230 orang. Jika mengikut kourum, 1/8 daripada 4,338 berjumlah 542, maka kuorum telah mencukupi untuk memulakan mesyuarat. Beliau mempersilakan anggota-anggota yang hadir untuk mencalonkan Pengerusi Mesyuarat kali ini.
- 1.2 Tuan Haji Romli bin Haji Zakaria (5293) mencadangkan supaya Y.Bhg. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim (3630) sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Ke 65. Cadangan ini disokong oleh Tuan Haji Lokman bin L Isa (4426).
- 1.3 Puan Hajah Zainab binti Haji Man @ Abdul Rahman (5036) mencadangkan supaya cadangan ditutup. Tuan Haji Ahmad Zaki bin Haji Said (7457) menyokong.
- 1.4 Oleh kerana tiada cadangan lain, Mesyuarat bersetuju terima sebulat suara.
- 1.5 Tuan Setiausaha mengumumkan bahawa Y.Bhg. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim (3630) dipilih sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 dan mempersilakan beliau untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65.
- 1.6 Y.Bhg. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim (3630) selaku Pengerusi memulakan mesyuarat dengan memberi salam dan seterusnya meminta supaya anggota yang hadir bersama-sama membaca surah Al Fatihah bagi dihadaikan kepada junjungan besar Nabi Muhamad S.A.W., muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat khususnya kedua-dua ibubapa kita dan anggota-anggota koperasi yang telah pergi dahulu sebelum kita. Beliau menyeru supaya semua anggota yang berada di luar supaya masuk ke dalam dewan kerana mesyuarat sudah bermula. Beliau mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana telah memberi kepercayaan kepadanya untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Ke 65 pada hari ini.

Mesyuarat diteruskan mengikut agenda.

Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada 6 orang anggota dan 4 orang anggota Lembaga untuk menentusah draf Minit Mesyuarat Agung Ke 65.



- 2.1 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat meminta cadangan untuk memilih 6 orang anggota dan 4 orang anggota Lembaga sebagai ahli Jawatankuasa Menentusah Draft Minit Mesyuarat Agung Ke 65.
- 2.2 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Koperasi memaklumkan bahawa 4 orang anggota Lembaga yang dicalonkan oleh Lembaga adalah terdiri daripada Pengerusi Koperasi, Setiausaha, Bendahari dan Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65.
- 2.3 Tuan Haji Romli bin Haji Zakaria (5293) mencadangkan tiga (3) nama iaitu Puan Hajah Zainab binti Haji Man @ Abdul Rahman (5036), Puan Wan Nor Sharmilawati binti Wan Osman (11677) dan Tuan Haji Lokman bin L Isa (4426) dipilih sebagai ahli Jawatankuasa Menentusah Draft Minit Mesyuarat Agung Ke 65. Cadangan ini disokong oleh Tuan Haji Ahmad Zambri bin Ibrahim (3025).
- 2.4 Tuan Haji Ahmad Zaki bin Haji Said (7457) mencadangkan supaya Puan Hajah Khalijah binti Haji Mohd Rejab (7031), Tuan Haji Ismail bin Ahmad (2472) dan Tuan Haji Md Zin bin Hamzah (4457) dipilih sebagai anggota Jawatankuasa Menentusah Draft Minit Mesyuarat Agung Ke 65. Cadangan ini disokong oleh Encik Ismail bin Awang (10414).
- 2.5 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat meminta semua calon-calon yang dicadangkan supaya bangun seorang semi seorang bagi memperkenalkan diri masing-masing. Didapati semua hadir.
- 2.6 Oleh kerana tiada cadangan lain, Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat mengumumkan bahawa anggota berikut telah dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Menentusah Draft Minit Mesyuarat Agung Ke 65.

Bil	Nama Calon
1	Hajah Zainab binti Haji Man @ Abdul Rahman (5036)
2	Wan Nor Sharmilawati binti Wan Osman (11677)
3	Haji Lokman bin L Isa (4426)
4	Hajah Khalijah binti Haji Mohd Rejab (7031)
5	Haji Ismail bin Ahmad (2472)
6	Haji Md Zin bin Hamzah (4457)

- 2.7 Mesyuarat bersetuju terima sebulat suara.

Menerima Etika Mesyuarat Agung

- 3.1 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Setiausaha untuk membentangkan Etika Mesyuarat Agung.



- 3.2 Tuan Setiausaha membentangkan Etika Mesyuarat Agung seperti yang tercatat di muka surat 17 hingga 21, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 untuk diterima.
- 3.3 Tuan Haji Lokman bin L Isa (4426) mencadangkan supaya Etika Mesyuarat Agung seperti yang tercatat di muka surat 17 hingga 21, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 diterima.
- 3.4 Cadangan ini disokong oleh Tuan Haji Ismail bin Ahmad (2472).
- 3.5 Mesyuarat bersetuju terima sebulat suara.

Agenda

04

Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 64 yang telah diadakan pada 2 Jun 2018

- 4.1 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Setiausaha untuk membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 64.
- 4.2 Tuan Setiausaha membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 64 yang telah diadakan pada 2 Jun 2018 seperti yang terdapat di muka surat 23 hingga 39, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 untuk disahkan.
- 4.3 Tuan Haji Ismail bin Ahmad (2472) mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 64 yang telah diadakan pada 2 Jun 2018 seperti yang terdapat di muka surat 23 hingga 39, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 disahkan.
- 4.4 Cadangan ini disokong oleh Tuan Haji Aarif bin Abdullah (1972).
- 4.5 Mesyuarat bersetuju mengesahkan sebulat suara.

Agenda

05

Memilih 3 orang anggota Lembaga. Anggota Lembaga berikut telah genap tempoh perkhidmatan menurut peruntukan seksyen 35(1) Undang-Undang Kecil Koperasi: 1. Haji Mohamad Ibrahim bin Abd Wahab (1694) 2. Dato' Haji Hashim bin Ahmad (3436) 3. Hajah Hasnah binti Ahmad (2282)

- 5.1 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa, Anggota Lembaga Koperasi (ALK) berikut telah genap tempoh perkhidmatan menurut peruntukan seksyen 35(1) Undang-Undang Kecil Koperasi:
 1. Haji Mohamad Ibrahim bin Abd Wahab (1694)
 2. Dato' Haji Hashim bin Ahmad (3436)
 3. Hajah Hasnah binti Ahmad (2282)



5.2 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa pada tahun ini terdapat 6 orang calon yang telah melepasi tapisan oleh pihak SKM. Menurut surat SKM bertarikh 24 April 2018, calon-calon berikut memenuhi kriteria "layak dan sesuai" sepertimana terkandung dalam GP3: Garis Panduan Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi (Pindaan) 2012 sebagai anggota Lembaga Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad bagi tempoh sehingga tiga tahun;

1. Haji Mohamad Ibrahim bin Abd Wahab (1694)
2. Dato' Haji Hashim bin Ahmad (3436)
3. Hajah Hasnah binti Ahmad (2282)
4. Haji Arshad bin Osman (6367)
5. Roshamidi bin Othman (10514)
6. Haji Romli bin Haji Zakaria (5293)

Pengesahan yang diberikan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- a) Pemantauan dan penilaian prestasi calon-calon setelah dilantik sebagai anggota Lembaga hendaklah dijalankan pada setiap tahun; dan
- b) Penentusahan pelantikan anggota Lembaga adalah terbatal sekiranya calon-calon tersebut melakukan sesuatu yang memudaratkan koperasi dan gerakan koperasi atau melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini atau diisytiharkan bankrap.

5.3 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat memperkenalkan calon-calon yang bertanding pada tahun ini seorang demi seorang. Seterusnya beliau meminta Urusetia Undi Sulit bersedia dengan peti undi dan pengundian dimulakan dengan tempoh masa selama 15 minit. Semua anggota yang hadir dikehendaki memangkah 3 nama sahaja. Jika dipangkah kurang diterima, jika melebihi 3, ditolak. Penjumlahan undi disaksikan oleh wakil Juruaudit Luar.

Agenda

06

Menimbang Laporan Tahunan Lembaga bagi tahun 2018

6.1 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Setiausaha untuk membentangkan Laporan Tahunan Lembaga bagi tahun 2018.

6.2 Tuan Setiausaha membentangkan Laporan Tahunan Lembaga bagi tahun 2018 seperti yang terdapat di muka surat 41 hingga 62, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 untuk diterima dengan **pindaan** seperti berikut :-

1. Mukasurat 51:-

4.5 b. Prestasi Kedai

Perkara	2014	Sebenar
Perbelanjaan	241,695	245,695



- 6.3 Puan Wan Nor Sharmilawati binti Wan Osman (11677) merujuk mukasurat 55, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65, mengenai analisa kewangan. Beliau mengucapkan tahniah kepada Anggota Lembaga di atas kejayaan meningkatkan keuntungan koperasi kepada RM3,117,531.00. Namun begitu, beliau dapati Koservis mengalami kemerosotan beberapa tahun kebelakangan ini dan rugi pada tahun 2018. Beliau ingin tahu, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Lembaga untuk membawa semula keuntungan.

Beliau juga ingin penjelasan mengenai pelunasan Muhibbah Perniagaan sebanyak RM224,000.00.

- 6.4 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Koperasi selaku Pengerusi Jawatankuasa Koservis memaklumkan bahawa Lembaga telah membuat perancangan dan kajian yang teliti sebelum melaksanakan sesuatu rancangan perniagaan dengan mengambilkira pelbagai faktor termasuk risiko. Berhubung Koservis, Lembaga telah membuat kajian 5 tahun perniagaan Koservis. Didapati perniagaan Koservis banyak bergantung kepada penglibatan anggota sebagai pelanggan utama di samping masyarakat sekeliling. Dalam Mesyuarat Agung kali ini, koperasi telah mendedarkan borang soalselidik pelanggan untuk mendapat maklum balas anggota. Beliau menyeru semua anggota yang hadir supaya memberi kerjasama dengan melengkapkan borang tersebut dan kembalikan kepada Urusetia. Beliau berharap semua anggota memberi sokongan kepada semua aktiviti perniagaan koperasi dengan melanggan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Semoga dengan sokongan kuat anggota, Koperasi akan beroleh pendapatan yang baik dan dapat membayar dividen yang lebih tinggi.

- 6.5 Y.Bhg. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim selaku Pengerusi Jawatankuasa Perniagaan Gas Petron memaklumkan bahawa Koperasi telah mengambilalih Perniagaan Gas Petron pada penghujung tahun 2016. Nilai pengambilalihan perniagaan tersebut termasuk aset tetap yang perlu dibuat peruntukan susutnilai, manakala selebihnya adalah dikira Muhibbah Perniagaan yang juga perlu dibuat peruntukan pelunasan selama 15 tahun selaras dengan Piawaian Perakaunan Yang Diterima Pakai. Peruntukan tersebut tidak melibatkan aliran tunai koperasi. Merujuk kepada mukasurat 54, keuntungan sebenar Perniagaan Gas Petron ialah RM426,543.00.

- 6.6 Tuan Haji Ibrahim bin Noh (292) merujuk kepada muka surat 44, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 mengenai peruntukan hutang lapuk sebanyak RM166,962.00. Beliau ingin tahu jumlah peruntukan yang terkini dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Lembaga untuk mendapatkan kembali hutang berkenaan.

Beliau juga merujuk kepada muka surat 59, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 mengenai pelbagai bayaran derma kematian berjumlah RM860.00.

- 6.7 Tuan Bendahari memaklumkan bahawa hutang lapuk sebanyak RM166,962.00 adalah melibatkan anggota yang tidak dapat dikesan. Bagi anggota yang dapat dikesan, tindakan yang diambil adalah melalui Tribunal Koperasi untuk mengutip balik hutang-hutang yang tertunggak. Peruntukan hutang lapuk dibuat selaras dengan dasar perakaunan itupun setelah semua usaha telah diambil termasuk tindakan kebangkrupan melibatkan anggota berhenti kerja dan anggota yang tidak dapat dikesan.

Berhubung dengan pelbagai bayaran derma kematian berjumlah RM860.00, transaksi ini adalah pulangan balik sumbangan derma kematian yang melibatkan anggota yang berhenti atau lebihan potongan gaji.

- 6.8 Tuan Haji Ahmad Zambri bin Ibrahim (3025) mencadangkan supaya Laporan Lembaga 2018 diterima.

- 6.9 Tuan Haji Ismail bin Ahmad (2472) menyokong supaya Laporan Lembaga 2018 diterima.

- 6.10 Mesyuarat bersetuju terima sebulat suara.

Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 serta Laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga, Laporan Jawatankuasa Audit Dalam dan Pandangan Suruhanjaya.



- 7.1 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Bendahari untuk membentangkan akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 serta laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga, Laporan Jawatankuasa Audit Dalam dan Pandangan Suruhanjaya.
- 7.2 Tuan Bendahari membentangkan akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 serta laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga, Laporan Jawatankuasa Audit Dalam dan Pandangan Suruhanjaya seperti yang tercatat di muka surat 65 hingga 120, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 7.3 Tuan Haji Ibrahim bin Noh (292) merujuk kepada muka surat 44, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 mengenai perkara a) Laporan Juruaudit Kepada Anggota Koperasi yang menyatakan bahawa rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58, Akta Koperasi 1993. Beliau ingin tahu adakah rekod keanggotaan sama dengan rekod perakaunan.
- 7.4 Puan Hajah Zainab binti Haji Man @ Abdul Rahman (5036) merujuk kepada muka surat 119, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65, beliau ingin tahu mengenai elaun-elaun lain berjumlah RM36,723.09.
- 7.5 Tuan Bendahari menjelaskan bahawa elaun-elaun lain berjumlah RM36,723.09 adalah bayaran elaun mesyuarat kepada semua Bahagian melibatkan AJK yang dilantik, elaun-elaun khas, tetap, keraian, telefon, ketua unit, tanggungjawab, terbuka puasa, sahur dan bertugas melibatkan Pengurus Besar, Pengurus-Pengurus dan kakitangan.

Berhubung dengan soalan mengenai rekod keanggotaan, menurut beliau, lejer anggota adalah sama dengan lejer akaun.
- 7.6 Tuan Haji Mohd Nor bin Daud (2288) ingin tahu mengenai pelbagai pemiutang setiap Bahagian yang ada menunjukkan baki terhutang kepada Noriza & Co.
- 7.7 Tuan Bendahari menjelaskan bahawa baki terhutang kepada Noriza & Co (Juruaudit) adalah merupakan bayaran audit yang perlu ditunjukkan berasingan setiap Bahagian disebabkan akaun-akaun tersebut berasingan daripada induk.
- 7.8 Tuan Haji Mohd Nor bin Daud (2288) mencadangkan supaya akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 serta laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga, Laporan Jawatankuasa Audit Dalam dan Pandangan Suruhanjaya seperti yang tercatat di muka surat 65 hingga 120, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65, diluluskan.
- 7.9 Tuan Haji Zakaria bin Haji Md Rejab (1760) menyokong.
- 7.10 Mesyuarat bersetuju meluluskan dengan sebulat suara.



Menimbang dan meluluskan pembahagian Keuntungan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

- 8.1 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Bendahari untuk membentangkan syor Lembaga untuk membahagikan keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.
- 8.2 Tuan Bendahari membentangkan syor Lembaga untuk membahagikan keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 seperti berikut;

CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN TAHUN 2018

	RM
KEUNTUNGAN BERSIH TAHUN INI	
Bahagian Kredit	970,056.85
Stesen Minyak Petronas	436,723.55
Koservis (Kedai Tayar)	(18,983.99)
Stesen Minyak Caltex Changlun	342,582.79
Stesen Minyak Shell Alor Setar	104,461.37
Ar-Rahnu Alor Setar	684,901.20
Ar-Rahnu Guar Chempedak	373,040.74
Perniagaan Gas Petron	224,748.97

JUMLAH KEUNTUNGAN BERSIH	3,117,531.48
Tolak: Pelarasan Operasi	-

	3,117,531.48
Tolak: PEMBAHAGIAN BERKANUN	
Kumpulan Wang Rizab-15%(2017-15%)	467,629.72
Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi-2%(2017-2%)	62,350.63
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi-1%(2017-1%)	31,175.31

	(561,155.66)
KEUNTUNGAN YANG BELUM DIBAHAGIKAN	2,556,375.82
Tolak: LAIN-LAIN PEMBAHAGIAN	
Dividen Dicadangkan -5.80% Atas Modal Yuran Pada 30hb Jun 2018 Berjumlah RM36,766,130.85) (2017-5.80%)	2,132,435.59
Kumpulan Wang Dermasiswa	40,000.00
Kumpulan Wang Ganjaran Pekerja	50,000.00
Kumpulan Wang Derma Kematian	50,000.00
Kumpulan Wang Perubatan Koperasi	20,000.00
Kumpulan Wang Penebusan Syer	10,000.00
Honorarium Lembaga Dicadangkan	34,500.00

	(2,336,935.59)
KEUNTUNGAN SELEPAS PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN	219,440.23
Tambah/Tolak: Pelarasan Bukan Operasi:	
-Bayaran Zakat	(178,510.77)
-Deposit telefon dan elektrik terlebih rekod	(1,567.46)
-Penghutang perdagangan terlebih rekod	(4,000.00)
-Dividen terkurang peruntuk	(871.96)

	(184,950.19)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AWAL TAHUN	127,323.13

BAKI KEUNTUNGAN DIBAWA KE KUNCI KIRA-KIRA	161,813.17
	=====



- 8.3 Tuan Haji Mohd Nor bin Daud (2288) mencadangkan supaya cadangan pembahagian keuntungan bagi tahun 2018 seperti yang tercatat di muka surat 123, Buku Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65, diluluskan.
- 8.4 Tuan Haji Zakaria bin Haji Md Rejab (1760) menyokong.
- 8.5 Mesyuarat bersetuju meluluskan dengan sebulat suara.

Agenda

09

Menimbang dan meluluskan Belanjawan Tahunan bagi tahun kewangan 2020:

- **Bahagian Kredit**
- **Stesen Minyak Petronas Alor Setar**
- **Koservis**
- **Stesen Minyak Caltex Changloon**
- **Ar Rahnu Alor Setar**
- **Ar Rahnu Guar Chempedak**
- **Stesen Minyak Shell Jalan Langgar**
- **Perniagaan Gas Petron**
- **Stesen Minyak Petron Paya, Perlis**
- **Belanjawan Modal/Aset**

- 9.1 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Bendahari untuk membentangkan Anggaran Belanjawan tahunan bagi tahun kewangan 2020 untuk Bahagian Kredit, Stesen Minyak Petronas Alor Setar, Koservis, Stesen Minyak Caltex Changloon, Ar Rahnu Alor Setar, Ar Rahnu Guar Chempedak, Stesen Minyak Shell Jalan Langgar, Perniagaan Gas Petron, Stesen Minyak Petron Paya, Perlis dan Belanjawan Modal/Aset.
- 9.2 Tuan Bendahari membentangkan Anggaran Belanjawan tahunan bagi tahun kewangan 2020 untuk Bahagian Kredit, Stesen Minyak Petronas Alor Setar, Koservis, Stesen Minyak Caltex Changloon, Ar Rahnu Alor Setar, Ar Rahnu Guar Chempedak, Stesen Minyak Shell Jalan Langgar, Perniagaan Gas Petron, Stesen Minyak Petron Paya, Perlis dan Belanjawan Modal/Aset sepertimana yang terdapat di Lampiran B, C, D, E, F, G, H, I, J dan K, Buku Mesyuarat Agung Ke 65 untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 9.3 Tuan Haji Mohd Nor bin Daud (2288) mencadangkan supaya Anggaran Belanjawan tahunan bagi tahun kewangan 2020 untuk Bahagian Kredit, Stesen Minyak Petronas Alor Setar, Koservis, Stesen Minyak Caltex Changloon, Ar Rahnu Alor Setar, Ar Rahnu Guar Chempedak, Stesen Minyak Shell Jalan Langgar, Perniagaan Gas Petron, Stesen Minyak Petron Paya, Perlis dan Belanjawan Modal/Aset sepertimana yang terdapat di Lampiran B, C, D, E, F, G, H, I, J dan K, Buku Mesyuarat Agung Ke 65, diluluskan.
- 9.4 Tuan Haji Zakaria bin Haji Md Rejab (1760) menyokong.
- 9.5 Mesyuarat bersetuju meluluskan dengan sebulat suara.



Agenda

10

Meluluskan pelantikan suatu panel Juruaudit Luar yang terdiri daripada tidak lebih daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun tahun 2019 dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk memilih salah satu firma berkenaan yang sesuai serta menetapkan bayarannya.

- 10.1 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Bendahari untuk membentangkan senarai juruaudit luar untuk dipilih sebagai panel Juruaudit Luar untuk mengaudit akaun Koperasi tahun 2019.
- 10.2 Tuan Bendahari membentangkan senarai juruaudit luar seperti di mukasurat 134 hingga 135, Buku Mesyuarat Agung Ke 65 untuk dipilih sebagai panel Juruaudit Luar untuk mengaudit akaun Koperasi tahun 2019.
- 10.3 Tuan Haji Zakaria bin Haji Md Rejab (1760) mencadangkan supaya pelantikan Juruaudit Luar untuk mengaudit akaun Koperasi tahun 2019 diserahkan kepada Lembaga. Cadangan ini disokong oleh Tuan Haji Md Zin bin Hamzah (4457).
- 10.4 Mesyuarat bersetuju meluluskan sebulat suara.

Agenda

11

Memberi kuasa kepada Lembaga untuk meminjam wang tidak lebih daripada RM30 juta dengan kadar faedah tidak melebihi kadar pasaran dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pelaburan dengan wang pinjaman tersebut tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993.

- 11.1 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Bendahari untuk membentangkan agenda ini.
- 11.2 Tuan Bendahari membentangkan agenda ini seperti tersebut untuk kelulusan.
- 11.3 Tuan Haji Ahmad Zambri bin Ibrahim (3025) mencadangkan supaya agenda ini diterima.
- 11.4 Cadangan ini disokong oleh Tuan Haji Lokman bin L Isa (4426).
- 11.5 Mesyuarat bersetuju meluluskan sebulat suara.



Agenda

12**Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993**

- 12.1 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Bendahari membentangkan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993.
- 12.2 Tuan Bendahari membentangkan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993 seperti mukasurat 150, Buku Mesyuarat Agung Ke 65 untuk kelulusan.
- 12.3 Tuan Haji Ahmad Zambri bin Ibrahim (3025) mencadangkan supaya agenda ini diterima.
- 12.4 Cadangan ini disokong oleh Tuan Haji Lokman bin L Isa (4426).
- 12.5 Mesyuarat bersetuju meluluskan sebulat suara.

Agenda

13**Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil dan Aturan-Aturan Koperasi.**

- 13.1 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Setiausaha untuk membentangkan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil dan Aturan-Aturan Koperasi.
- 13.2 Tuan Setiausaha membentangkan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi Perkara 9,21 dan 57 serta pindaan Aturan Kumpulan Wang Perubatan Koperasi, Kumpulan Yuran Anggota, Aturan Kumpulan Wang Ganjaran Pekerja, Aturan Kumpulan Wang Khairat Kematian dan Aturan Kumpulan Wang Perlindungan Kredit seperti di mukasurat 136 hingga 149, Buku Mesyuarat Agung Ke 65 dan lampiran tambahan untuk pertimbangan dan kelulusan.(Rujuk Lampiran A)
- 13.3 Tuan Haji Ahmad Zambri bin Ibrahim (3025) mengesyorkan supaya tempoh keanggotaan dalam jadual bayaran derma kematian dikurangkan daripada 10 tahun kepada 5 tahun.
- 13.4 Tuan Haji Mohd Noor bin Daud (2288) ingin penjelasan adakah isteri pertama sahaja diiktiraf layak untuk menerima derma kematian, bagaimana dengan anggota yang mempunyai lebih daripada seorang isteri.
- 13.5 Puan Wan Nor Sharmilawati binti Wan Osman (11677) ingin tahu mengenai jadual potongan gaji untuk bayaran yuran.



- 13.6 Tuan Bendahari memaklumkan bahawa kajian telah dibuat secara terperinci sejak Kumpulan Wang ini diwujudkan untuk melihat kemampuan kewangan semasa dan akan datang. Jika kadar bayaran khairat semasa diteruskan, kemungkinan besar, Kumpulan Wang Khairat Kematian ini terpaksa dibubarkan. Sebab itulah syor supaya tempoh keanggotaan dalam jadual bayaran derma kematian dikurangkan daripada 10 tahun kepada 5 tahun tidak dapat dipertimbangkan kecuali mesyuarat hari ini bersetuju meningkatkan jumlah caruman bulanan kepada jumlah yang sesuai.

Mengenai bayaran khairat kematian kepada isteri-isteri jika anggota meninggal dunia, koperasi hanya membayar kepada isteri pertama sahaja seperti dalam Aturan Kumpulan Wang Derma Kematian.

Berhubung dengan nisbah potongan gaji pegawai-pegawai kerajaan untuk bayaran yuran, nisbahnya masih kekal 60:40.

- 13.7 Tuan Haji Ahmad Zambri bin Ibrahim (3025) mengesyorkan sekali lagi supaya tempoh keanggotaan dalam jadual bayaran derma kematian dikurangkan daripada 10 tahun kepada 5 tahun.
- 13.8 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat mencadangkan Tuan Haji Ahmad Zambri bin Ibrahim (3025) mengemukakan semula syor ini pada tahun hadapan.
- 13.9 Tuan Haji Zaki bin Said (7457) mencadangkan supaya semua pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi Perkara 9,21 dan 57 serta pindaan Aturan Kumpulan Wang Perubatan Koperasi, Kumpulan Yuran Anggota, Aturan Kumpulan Wang Ganjaran Pekerja, Aturan Kumpulan Wang Khairat Kematian dan Aturan Kumpulan Wang Perlindungan Kredit yang dicadangkan seperti di mukasurat 136 hingga 149 dan lampiran tambahan, Buku Mesyuarat Agung Ke 65, diluluskan.
- 13.10 Tuan Haji Zakaria bin Haji Md Rejab (1760) menyokong.
- 13.11 Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

Agenda

14

Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung telah diberikan.

- 14.1 Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat menjemput Tuan Setiausaha membentangkan usul-usul Lembaga.
1. Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 yang bersidang pada 15 Jun 2019 bersetuju supaya Koperasi membuat permohonan Bantuan Geran Pembangunan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi tujuan pembinaan projek baru seperti berikut:-
 - a) Stesen Minyak Petron Paya, Perlis.
 - b) Stesen Minyak Petron Taman Jelutung, Changloon, Kedah.
 - c) Projek Pembangunan Tanah Kuala Nerang, Kedah.
 - d) Projek Pembangunan Tanah Alor Penyengat, Kedah.



2. Mesyuarat Agung Tahunan Ke 65 yang bersidang pada 15 Jun 2019 bersetuju supaya Koperasi membuat pembayaran syer bonus kepada anggota sebanyak 1,000% atas syer anggota sedia ada berjumlah RM10.00 tertakluk kepada kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- 14.2 Puan Wan Nor Sharmilawati binti Wan Osman (11677) mengesyorkan supaya syer anggota dinaikkan kepada RM1,000.00 seorang untuk meningkatkan dana dalaman koperasi bagi membolehkan koperasi mengorak langkah lebih maju lagi.
- 14.3 Tuan Haji Abdul Karim bin Aris (9127) mengesyorkan supaya diberi insentif kepada anggota yang melanggan produk koperasi.
- 14.4 Tuan Haji Abdul Karim bin Aris (9127) mencadangkan supaya usul-usul Lembaga tersebut di atas diluluskan.
- 14.5 Tuan Haji Zakaria bin Haji Md Rejab (1760) menyokong.
- 14.6 Mesyuarat bersetuju terima kedua-dua usul anggota di atas sebulat suara.

Pengumuman Keputusan Pengundian Jawatan Anggota Lembaga Koperasi

Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat mengumumkan keputusan undian seperti berikut:-

Bil.	Nama Calon	Jumlah Undi
1.	Haji Mohamad Ibrahim bin Abdul Wahab (1694)	411
2.	Dato' Hashim bin Ahmad (3436)	448
3.	Hajah Hasnah binti Ahmad (2282)	415
4.	Haji Arshad bin Osman (6367)	293
5.	Roshamidi bin Othman (10514)	326
6.	Haji Romli bin Zakaria (5293)	420

Y.Bhg. Dato' Pengerusi mengumumkan nama calon-calon yang terpilih sebagai Anggota Lembaga Koperasi untuk tempoh 2019 hingga 2022 seperti berikut:-

1. Dato' Haji Hashim bin Ahmad (3436)
2. Haji Romli bin Zakaria (5293)
3. Hajah Hasnah binti Ahmad (2282)

Beliau mengucapkan tahniah dan selamat bertugas.



PENUTUP

Tuan Haji Mohamad Ibrahim bin Abdul Wahab mengalu-alukan kelulusan anggota terhadap pindaan Kumpulan Wang Khairat Kematian dan memahami hasrat Lembaga bagi meneruskan kelangsungan Kumpulan Wang ini. Beliau juga bersetuju supaya yuran dinaikkan bagi membolehkan koperasi mendapat dana dalaman yang murah memandangkan kos meminjam dengan pihak luar amat tinggi.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang telah memberikan kerjasama dan sokongan selama lebih 40 tahun beliau bersama koperasi ini. Sepanjang tempoh tersebut, banyak kejayaan telah dicapai oleh koperasi. Beliau memohon ampun dan maaf jika ada sebarang kesalahan dan kesilapan, terkasar bahasa dan terlanjut kata, sepanjang perkhidmatan dengan koperasi. Semoga koperasi terus maju jaya.

Y.Bhg. Dato' Haji Abdullah Sani bin Ibrahim, Pengerusi Koperasi, merakamkan tahniah kepada Anggota Lembaga yang berjaya mengekalkan jawatan dan terpilih. Penghargaan dan terima kasih khusus ditujukan kepada Tuan Haji Mohamad Ibrahim bin Abd Wahab atas jasa beliau selama 40 tahun bersama koperasi. Terima kasih dan penghargaan juga kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Mesyuarat Agung kali ini dan menyokong koperasi. Beliau bersyukur dan berterima kasih kepada semua anggota yang bersetuju meluluskan semua cadangan pindaan UUK dan Aturan Koperasi. Dengan kelulusan tersebut, koperasi akan dapat terus bergerak maju dengan aktiviti-aktiviti yang dirancang.

Beliau mempelawa anggota yang berkelayakan dan berpengalaman untuk memohon menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dan Anggota Jawatankuasa Bahagian (AJK) sebagai pelapis dengan mengemukakan biodata peribadi kepada Pengurus Besar untuk pertimbangan Lembaga.

Beliau memaklumkan bahawa dividen 2018 akan dikreditkan ke dalam akaun bank anggota koperasi yang layak mulai 20 Jun 2019.

Beliau memohon maaf sekiranya terdapat apa-apa kesilapan atau kekurangan sepanjang menguruskan koperasi. Beliau mengucapkan Selamat menyambut Hari Raya Aidil Fitri, maaf zahir dan batin.

Y.Bhg. Dato' Pengerusi Mesyuarat merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya anggota-anggota Koperasi yang telah memberikan kerjasama yang baik bagi menjayakan Mesyuarat Agung kali ini. Beliau memohon maaf sekiranya terdapat apa-apa kesilapan atau kekurangan sepanjang beliau mengendalikan mesyuarat agung ini. Beliau mengucapkan Selamat menyambut Hari Raya Aidil Fitri, maaf zahir dan batin.

Beliau mengakhiri mesyuarat dengan ucapan salam.

Mesyuarat berakhir jam 11.25 pagi.

Dicatat oleh : Haji Mohd Shukri bin Hassan
Pengurus Besar



كوفراسي فئاوي كرامان بنري فزح وارا لاسا برحمه
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD



**KEHADIRAN MESYUARAT MENENTUSAH
DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG KE 65**

26 JUN 2019 (RABU) JAM 9.00 PAGI

<u>BIL.</u>	<u>NAMA</u>	<u>TANDATANGAN</u>
1.	DATO' HAJI ABDULLAH SANI BIN IBRAHIM	
2.	HAJI MAJIB BIN JUSSOH	
3.	HAJI MUNIR BIN BADRUL JAMIL	
4.	DATO' HAJI MAT REJAB BIN KASSIM	
5.	HAJI LOKMAN BIN LEBAI ISA	
6.	HAJI ISMAIL BIN AHMAD	
7.	HAJAH ZAINAB BINTI HAJI MAN @ ABD RAHMAN	
8.	HAJAH KHALIJAH BINTI MD REJAB	
9.	WAN NOR SHARMILAWATI BINTI WAN OSMAN	
10.	HAJI MD ZIN BIN HAMZAH	